



**KEPADA : Ahli Mesyuarat Lembaga Perolehan**

**DARIPADA : Norazlina binti Tun Ibrahim**  
**Pengurus**  
**Bahagian Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan (MSF)**

**MELALUI : Mohd Yazid Abdul Majid**  
**Pengarah**  
**Bahagian Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan (MSF)**

**Mahadi Hasbullah**  
**Pengurus Kanan**  
**Unit Perolehan**

**TARIKH : 1 Mac 2021**

**PERKARA : MEMUKTAMADKAN HASIL RUNDINGAN HARGA BAGI**  
**LANTIKAN PEMBEKAL PROJEK NAIKTARAF STANDARD**  
**ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA)**  
**8.2 KEPADA GOVERNMENT RESOURCE PLANNING (GRP) 9.0**

1. Lantikan pembekal bagi melaksanakan projek Naiktaraf Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA) 8.2 Kepada Government Resource Planning (GRP) 9.0 telah dibuat melalui *Electronic Government Procurement Application*(EGPA) dan telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 10 November 2020.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga (JRH) telah dibuat dengan pihak pembekal iaitu Century Software (M) Sdn Bhd pada 19 November 2020. Mesyuarat ini bertujuan untuk membuat rundingan harga bagi kos yang ditawarkan oleh pembekal bagi melaksanakan program. Hasil rundingan tersebut, pembekal telah bersetuju untuk memberikan pengurangan harga seperti jadual berikut:

| Bil | Pembekal                           | Harga<br>Tawaran<br>Asal | Harga<br>Dipersetujui | Perbezaan Harga |       |
|-----|------------------------------------|--------------------------|-----------------------|-----------------|-------|
|     |                                    | (RM)                     | (RM)                  | (RM)            | (%)   |
| 1   | Century<br>Software (M)<br>Sdn Bhd | 582,550.00               | 507,900.00            | 74,650.00       | 12.8% |

3. Pengurangan harga daripada pembekal ini telah memberikan keuntungan kepada kerajaan dan MPC selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan ((PP)/PK7.16). Jumlah pengurangan yang dipersetujui adalah sebanyak RM74,650.00 daripada peruntukan asal program iaitu RM582,550.00.
4. Sehubungan itu, pihak kami ingin memohon pertimbangan Lembaga Perolehan MPC memuktamadkan hasil rundingan harga yang telah diberikan oleh pembekal bagi melaksanakan projek ini dan mematuhi syarat (Perkara 3C & 3D) yang telah diberikan oleh MOF di dalam Surat Kelulusan EGPA bertarikh 10 November 2020 (MOF.BPK(S)600-15/8/41(3)).

Sekian, terima kasih.

Tandatangan:



**YBhg. Dato' Sri  
Norazman Ayob**

Pengerusi Lembaga  
Perolehan MPC

Tarikh: 1/3/21

Tandatangan:



**YBhg. Dato' Muhamad  
Noor Yacob**

Ahli Lembaga Perolehan  
MPC

Tarikh:

Tandatangan:



**Tn. A. Balasubramaniam**

Ahli Lembaga Perolehan  
MPC

Tarikh: